

15/11/2000

Ahli Umno mesti ikhlas bekerja perkukuh parti

Azhar Abu Samah

DALAM mana-mana kerajaan yang dipilih rakyat, keputusan pilihan raya umum memberi manifestasi sokongan sebenar yang diterima daripada pengundi. Jika jumlah majoriti yang diterima meningkat, ia dilihat sebagai kerajaan yang popular dan jika sebaliknya, ia menagih tindakan pembedahan diambil.

Sepintas lalu dengan keputusan pilihan raya umum 1999 yang lalu, ia seharusnya memberi ubat yang amat pahit untuk ditelan kerajaan Barisan Nasional (BN), khususnya Umno sebagai ahli komponennya.

Selain Kelantan kekal di bawah pemerintahan pembangkang, Terengganu pula beralih ke tangan Pas, sokongan orang Melayu terhadap Umno juga merosot di kebanyakan kawasan, ditambah dengan generasi muda Melayu yang seperti mahu menjauhkan diri daripada Umno.

Hakikat ini difahami oleh pelbagai lapisan dalam Umno. Namun, oleh kerana sikap 'alah bisa tegal biasa' yang sudah menebal, segala petunjuk yang menagih tindakan segera diambil kelihatan tidak diberikan perhatian langsung oleh pemimpin pada peringkat pertengahan - cawangan dan bahagian - tidak keterlaluan di kalangan ahli Majlis Tertinggi (MT) dalam merencana dan melaksanakan pelan bertindak.

Ketika ini, yang nampak jelas bersungguh-sungguh untuk memperkasa semula Umno ialah Presiden, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi - yang saban waktu bercakap soal perpaduan dalam Umno, menangkis tohmahan pembangkang dan tidak jemu memberi ingatan supaya ahli Umno tidak leka dengan soal perebutan jawatan.

Persoalannya, ke mana perginya pemimpin Umno lain dan sudah berapa banyak ceramah dibuat bagi menangkis tohmahan dan dakwah pembangkang, sedangkan pembangkang, khususnya pemimpin Pas, tidak pernah berhenti melancarkan siri kempen dan ceramah politik untuk melebarkan pengaruhnya di negeri lain, selepas strategi itu mencatatkan kejayaan cemerlang di Terengganu dan Kedah.

Pemimpin Umno mengetahui Pas sedang berusaha meluaskan pengaruhnya ke negeri lain dengan menggunakan masjid di luar Kelantan bagi menarik orang ramai menyokong perjuangan mereka. Malah, ia diakui sendiri oleh Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, bahawa Umno di semua peringkat perlu memberi perhatian serius dalam soal itu.

Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, ketika melancarkan manifesto pilihan raya umum parti itu pada 1999, secara terbuka mendedahkan Pas sememangnya mahu menawan beberapa negeri di pantai barat seperti Perlis dan Kedah daripada Umno, selain mahu mengukuhkan kedudukannya di Pahang dan Johor.

Sejak itu, ia sudah melaksanakan program gerak gempur melalui ceramah politik serta agama dan ia berterusan sehingga ke hari ini. Bagi Pas, sama ada ketika pilihan raya atau tiada pilihan raya, program ceramah tetap diteruskan dan ternyata pendekatan ini sudah memperlihatkan kejayaan.

Tidak dinafikan Umno turut mengadakan siri ceramah di seluruh negara, namun ia lebih bersifat berkala, berbanding pembangkang yang boleh dikatakan saban hari. Cuba jelajah seluruh negara dari pantai timur, utara Semenanjung dan ke selatan tanah air, pastinya poster ceramah perdana Pas dengan pemedato utamanya, Mohamad Sabu, Mahfuz Omar dan Datuk Dr Hassan Ali kelihatan di mana-mana. Ini tidak termasuk ceramah yang turut disertai wakil Parti Keadilan Nasional (Keadilan) seperti Mohd Azmin Ali.

Ketika pembangkang mengambil sepenuh ruang untuk meluaskan pengaruh dan membentuk pendapat umum di seluruh negara, berapa keratkah pemimpin Umno yang turun ke padang melakukan tindakan sama, khususnya dalam menjelaskan

soal wang ihsan kepada kerajaan Pas Terengganu dan isu tujuh ahli Kongres Amerika yang cuba campur tangan dalam soal dalaman negara ini?

Malah, menurut seorang pemerhati politik di Terengganu, Umno yang menjadi pembangkang di negeri itu juga tidak mengambil kesempatan penuh menjelaskan kedudukan sebenar, sebaliknya Pas pula bertindak sebagai 'pembangkang' dengan menjelajah ke seluruh negeri untuk menjelaskan isu membabitkan wang ihsan.

Lebih menyulitkan, apabila ada penceramah Umno yang tidak membuat homework ketika berceramah menyebabkan persoalan yang mahu diperbetulkan merebak menjadi isu lain.

"Kelemahan ini perlu diperbetulkan segera kerana ternyata Umno di seluruh negara tidak mempunyai program ceramah tersusun dan berterusan. Kebanyakannya hanya menunggu arahan daripada pemimpin tertinggi dan ibu pejabat, tidak mahu mengambil inisiatif sendiri memulakannya," katanya.

Secara jujur, kita perlu mengakui perjuangan dalam Umno kini sudah lari daripada matlamat asal demi kepentingan Melayu apabila perebutan jawatan mengatasi segala-galanya.

Berkedudukan penting sama ada ketua cawangan atau bahagian dan terus mengekalkan kerusi itu menjadi agenda perjuangan ahli Umno kerana jawatan itu sudah disinonimkan dengan kesenangan dan kekayaan. Kini sudah timbul suara-suara yang mewakili kelompok muda dalam Umno mahukan perubahan dalam kepemimpinan Umno negeri sebagaimana diluahkan wakil Umno Bahagian Setiu, Ramlan Ali, baru-baru ini yang meminta pemimpin Umno Terengganu yang sudah terlalu lama menguasai jawatan penting dalam parti, memberikan laluan kepada pemimpin muda.

Inilah masalah yang ketika ini menghantui kebanyakan Umno negeri kerana ramai pemimpin baik pada peringkat cawangan dan bahagian enggan mengosongkan kerusi itu selagi nyawa dikandung badan, sekali gus program untuk memperkasa semula Umno tidak dapat dijalankan dengan berkesan kerana pemimpin yang ada sudah ketandusan idea dan 'kalis' dengan kelemahan yang ada.

Akibat kompromi yang diharapkan tidak menjadi, perebutan jawatan terpaksa diadakan yang akhirnya melemahkan perpaduan dalam Umno, sekali gus memperlihatkan pemimpin Umno suka berebut jawatan. Di sinilah letaknya kelemahan ketara dalam barisan kepemimpinan peringkat cawangan dan bahagian Umno yang ada sekarang dan sewajarnya ia diperbaiki.

Namun, kita perlu akui perjuangan boleh dilakukan dalam pelbagai kapasiti, sama ada selaku pemimpin mahupun pengikut. Malangnya, dalam banyak keadaan, perjuangan sering dikaitkan dengan jawatan. Tanpa kedudukan dan dipandang tinggi di mata masyarakat, apa jua perjuangan akan sia-sia - begitulah tafsiran ramai dan kalangan pendukung Umno sendiri.

Inilah mesej jelas yang mahu disampaikan Dr Mahathir kepada setiap ahli Umno bahawa mereka tidak boleh terus leka dengan perebutan jawatan sehingga sampai ke tahap melemahkan parti bagi menghadapi cabaran lebih besar di masa depan, termasuk terus berjuang bagi kepentingan rakyat dan mempertahankan kemerdekaan negara.

Seperti kata Perdana Menteri, perjuangan dalam parti yang tidak semestinya jadi calon atau pemimpin kerana jadi calon pun boleh kalah kerana kadang-kala tidak mendapat sokongan.

Malah, ada yang berhempas-pulas mahu menjadi wakil rakyat dan kadang-kala (bila sudah dipilih), ada yang tidak hadir di Parlimen. Oleh itu, katanya, pemimpin perlu menunjukkan prihatin kepada rakyat kerana Umno berjuang untuk rakyat.

Inilah antara kelemahan yang perlu diatasi pemimpin Umno kerana tanggungjawab dan kepercayaan yang diberikan pemimpin tertinggi parti tidak dijaga, sebaliknya memperlihatkan perlakuan tidak serius selepas diberikan pelbagai peluang.

Bagi mendapat sokongan generasi muda, terutama pelajar di dalam dan luar negara, Umno perlu mendapatkan semula sokongan mereka, termasuk menentang dakwah mengenai kerajaan yang dibuat pembangkang.

(END)